

# PM tegur Saifuddin tak patuh etika berpakaian

**Perdana** Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegur Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail kerana tidak mematuhi etika berpakaian dengan mengenakan baju batik di Parlimen, semalam.

Ia berlaku selepas perkara itu dibangkitkan Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) sebelum mengajukan soalan pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri, pagi semalam.

Rosol bertanya kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul mengenai etika pemakaian batik selepas melihat Saifuddin memakai batik bagi menghadiri sidang Dewan Rakyat, semalam.

“Yang Dipertua, saya nak

tanya, etika berpakaian di Parlimen, batik boleh dipakai hari apa sebab nampak Menteri Dalam Negeri pakai batik hari ini (semalam),” katanya.

Anwar kemudian terus menegur secara terbuka dan meminta Saifuddin mematuhi ketetapan peraturan pemakaian di Parlimen.

“Saya nak ingatkan Menteri Dalam Negeri, ikut peraturan Parlimen. Saya setuju dengan Hulu Terengganu (Rosol),” katanya.

Saifuddin yang duduk di belakang kerusi Anwar dan mengenakan baju batik berwarna ungu dilihat tersenyum serta mengangguk sebagai maklum balas kepada teguran itu.



Saifuddin pada sidang Dewan Rakyat, semalam.  
(Foto BERNAMA)